

D078

R B764 B A H
MAHATHIR - PEMIMPIN

ARAU, 25 JUN (BERNAMA) -- **PERDANA MENTERI** MEMINTA ORANG MELAYU SUPAYA JANGAN MENYOKONG MEREKA YANG **MEMENTINGKAN DIRI** SEBALIKNYA **MEMILIH PEMIMPIN UMNO**, YANG BENAR-BENAR BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN **BANGSA MELAYU**, AGAHA ISLAM DAN NEGARA.

DATUK SERI DR **MAHATHIR**, YANG **JUGA** PRESIDEN **UMNO** BERKATA, **+KITA** HARUS KAJI ORANG YANG BERGITA-CITA UNTUK MENJADI PEMIMPIN **SAMA** ADA DIA **PENTING DIRI** ATAU TIDAK. KALAU DIA TAK DAPAT TEMPAT **TAPI** MASIH **SOKONG PARTI**, ITULAH ORANG YANG BERJUANG UNTUK **PARTI+**.

KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 89000 PEMIMPIN DAN PEKERJA **PILIHAN RAYA UMNO PERLIS** DI SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL **ARAU**, DI **SINI HARI INI**, BELIAU **JUGA** MENYELAR SIKAP BEBERAPA ORANG PEMIMPIN **UMNO**, YANG MENGASINGKAN **DIRI** APABILA TIDAK **MENDAPAT** TEMPAT DALAM **PARTI** **MALAH** ADA DI ANTARA **MEREKA**, YANG HENYERTAI **PARTI** **SEMANGAT 46**.

+ORANG SEPERTI **INI** TIDAK TAHU BERTERIMA KASIH KEPADA RAKYAT YANG PERNAH MENYOKONG MEREKA UNTUK MENDAPAT KEDUDUKAN TINGGI SEBELUM **INI**, **+ TAMBAHNYA**.

MENURUTNYA, **PEMIMPIN** **PARTI** **SEMANGAT 46** ITU SEHASA BERADA DALAM **UMNO** TELAH MENGETEPIKAN 1.4 **JUTA** ANGGOTA **UMNO**, SETELAH MEREKA **GAGAL** MENDAPAT TEMPAT DALAM **PARTI** ITU DENGAN MENGHERET **UMNO** KE **MAHKAMAH** DISEBABKAN SATU ATAU DUA CAWANGAN **PARTI** YANG BERSALAH, SEDANGKAN PERKARA ITU BOLEH DISELESAIKAN **DALAM PARTI**. -- **LAGI**

2301MST 25 06 90

0001

000.
R B767 BAH
MAHATHIR - PEMIMPIN 2 ARAU

+KALAU DIA MENANG DAN JADI PRESIDEN UMNO MUNGKIN KESILAPAN ITU DISEMBUNYIKAN BEGITU SAJA,+ KATANYA SAMBIL MERUJUK KEPADA TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, YANG PERNAH BERTANDING MEREbut JAWATAN ITU PADA 1987.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SESIAPA SAHAJA BOLEH MEMEGANG JAWATAN PENTING DALAM PARTI TERMASUK PRESIDEN PARTI TETAPI MEREKA HENDAKLAH BERSABAR KERANA PEMIMPIN YANG ADA SEKARANG BUKANLAH KEKAL.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU JUGA MENYANJUNG TINGGL TUNKU ABDUL RAHMAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBAWA NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN TETAPI MENURUTNYA SEGALANYA ITU ADALAH HASIL SOKONGAN PADU RAKYAT.

TANPA PERPADUAN RAKYAT YANG BERDIRI TEGUH DI BELAKANG TUNKU KETIKA ITU, ADALAH SUKAR BAGI NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, DAN INI MEHBUKTIKAN BAHAWA PERPADUAN ADALAH PENTING BAGI KESETABILAN SESEBUAH NEGARA, TAMBAHNYA.

MENGENAI HUBUNGAN PAS DAN DAP BELIAU HENDAKWA KEDUA-DUA PARTI ITU LEBIH CENDERUNG UNTUK MENIPU RAKYAT DEMI KEPENTINGAN PEMIMPINNYA, DAN MENAMBAH KATA, INI TERBUKTI APABILA PAS MENGELUARKAN KENYATAAN BAHAWA DAP HENYOKONG SEKIRANYA SEBUAH NEGARA ISLAM DIWUJUDKAN MANAKALA DAP MENAFIKAN PERKARA ITU, TAMBAH BELIAU.

-- LAG1
2308MST 25 06 90

0083
R B768 BAH
MAHATHIR - PEMIMPIN 3 ARAU

+UMNO TIDAK MAHU MENIPU SESIAPA MALAH UMNO TELAH BERTERUS-TERANG DENGAN SEMUA PARTS KOMPONAN BARISAN NASIONAL MENGENAI HASRAT PARTI,+ KATANYA.

MENURUTNYA, APA YANG LEBIH PENTING SEKARANG IALAH UMNO HARUS TERUS WUJUD SEBAGAI WADAH PERJUANGAN BANGSA MELAYU MESKIPUN PEMIMPIN SEKARANG SUDAH TIADA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN JUGA SENTIASA MEMASTIKAN MASA DEPAN RAKYAT NEGARA INI LEBIH TERJAMIN, DAN BELIAU BERSYUKUR KERANA EKONOMI NEGARA MULAI PULIH DENGAN KEMASUKAN PELABUR ASING YANG LEBIH MENGGALAKKAN DAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN SEMAKIN BERTAMBAH.

BELIAU JUGA BERHARAP UMNO DAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL AKAN MEMENANGI KESELURUHAN KAWASAN YANG DITANDINGI PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. -- BERNAHA

2311MST 25 06 90